

Pandangan Islam Mengenai Hutang

Islam **tidak menggalakkan** umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan untuk tujuan melebihi asas kehidupan.

Rukun Al Qard

Pemiutang (orang yang memberi pinjaman)-
a) Seorang yang boleh menguruskan harta, berurusan niaga & memiliki harta tersebut. Bukan seorang kanak-kanak, gila atau bukan orang yang disekat daripada urusan harta.
b) Tiada unsur paksaan.

Penghutang

a) Bukan seorang yang gila, kanak-kanak.
b) Tiada unsur paksaan.
c) Berkemampuan bayar hutang.

Barang yang dipinjam

a) Barang yang boleh ditimbang, disukat dan mempunyai saiz seperti telur dan sebagainya.

Sighah

a) Lafaz ijab & qabul.

Konsep pinjaman dalam Islam

1) **Al 'Ariyah** - merujuk kepada pinjaman yang melibatkan pemberian sesuatu barangan atau harta oleh pemberi pinjaman kepada peminjam.
2) **Al Qard** - pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barangan atau komoditi yang boleh

Konsep pinjaman dalam Islam (cont)

dianggarkan dan diganti mengikut bilangan, sukatan atau timbangan.

Objektif pelaksanaan Al Qard Al Hasan

- 1) Membantu golongan yang memerlukan.
- 2) Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara.
- 3) Menghapuskan diskriminasi sosial dan ekonomi dalam masyarakat.
- 4) Mendapat keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan akhirat.

Kesimpulan

- 1) Islam telah menyediakan hamparan jalan kehidupannya yang syumul dengan menganjurkan umatnya bijak menguruskan kewangan.
- 2) Tidak menjadikan berhutang sebagai budaya atau amalan melainkan dalam keadaan terdesak atau memerlukan.
- 3) Kesan apabila suka berhutang, mengakibatkan seseorang hidup tidak tenang, masalah kekeluargaan dan sentiasa dalam kekusaran.
- 4) Hiduplah dalam bersederhana dan bersyukur dengan apa yang ada.
- 5) Berhati-hati lah dalam melibatkan diri dalam kancag berhutang agar tidak bertentangan dengan garis panduan Islam.

Definisi Al Qard

Dari segi bahasa:	Dari segi istilah:
<i>Al Qat'u</i> (potong).H-arta yang diberikan kepada orang yang berhutang dinamakan qard kerana pemiutang memotong (mengambil) sebahagian hartanya untuk diberikan kepada penghutang	merujuk kepada penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang sama nilai dengannya akan digantikan kembali kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan

Prinsip prinsip umum ketika berhutang

- 1) Setiap hutang yang dibuat hendaklah ditulis bagi memastikan pihak-pihak yang berkontrak khususnya penghutang menyedari komitmen masing-masing untuk membayar kembali hutang tersebut bagi mengelakkan berlakunya penipuan.
- 2) Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman yang diberikan atas sebab kelewatan membuat pembayaran balik hutang walaupun telah dipersetujui.

Larangan riba

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَاتَّبَعَهَا فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ
rv0. Terjemahan:

"Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu.

Larangan riba (cont)

Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya." Allah SWT juga telah memberi peringatan kepada orang

Gejala ceti haram (cont)

- Kerajaan perlu mengambil tindakan untuk memantau dan mengawal dengan pelbagai agensi seperti pihak berkuasa tempatan, Polis DiRaja Malaysia dan NGO.

Langkah

- 1) melalui tindakan memberhentikan pemberian lesen kepada peminjam wang berlesen.
- 2) kempen kesedaran, khidmat nasihat
- 3) usaha besar besaran menurunkan iklan ah long di kawasan perumahan.

Gejala ceti haram

Kegiatan ceti haram atau ah long secara jelas bertentangan dengan ajaran Islam kerana perkhidmatan pinjaman kewangan yang ditawarkan mengandungi unsur riba dengan mengenakan bayaran bunga atau faedah.

